

23 Januari 2025

SIARAN MEDIA GABUNGAN

5,000 PEKERJA MALAYSIA DISASARKAN MENJALANI KEMAHIRAN DIGITAL TERKINI MENERUSI PEMETERAIAN MoU

KUALA LUMPUR – Seramai 5,000 pekerja disasarkan untuk menerima latihan reskilling, upskilling dan kemahiran pada tahun ini menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara PERKESO, HRD Corp dan HCL Tech pada Khamis.

Menurut Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, PERKESO dan HRDCorp akan menyediakan dana permulaan sebanyak RM20 juta bagi mencapai sasaran tersebut.

Kata beliau, PERKESO akan melatih pekerja khususnya golongan yang dilindungi di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP) manakala HRDCorp pula akan melatih pekerja secara umum di luar Skim PERKESO.

"Terdapat tiga sektor utama yang akan diberi tumpuan iaitu keselamatan siber, sains data, dan kecerdasan buatan (AI). Para peserta akan dilatih berdasarkan modul yang disediakan oleh HCL Tech.

"Secara asasnya, latihan ini berbentuk praktikal dan berasaskan pekerjaan sebenar. Oleh itu, ia akan menjadi latihan dengan penempatan dalam ekosistem HCL," katanya dalam sidang media yang berlangsung di Ibu Pejabat PERKESO, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Menurut Steven Sim, Mou itu adalah susulan daripada perbincangan penting antara Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan HCL Tech ketika mengadakan lawatan ke India, enam bulan lalu.

Jelas beliau, dalam lawatan tersebut, HCL Tech telah memberi komitmen untuk menyediakan latihan kemahiran kepada 10,000 pekerja Malaysia.

"Sebagai susulan kepada perbincangan tersebut, hari ini kita hadir untuk menyaksikan peristiwa yang sangat bermakna ini.

"MoU rasmi ini menandakan kerjasama antara ketiga-tiga organisasi tersebut untuk menyediakan latihan reskilling, upskilling, dan kemahiran kepada pekerja Malaysia," katanya.

MoU tersebut ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Ketua Eksekutif HRD Corp Datuk Wira Shahul Dawood serta Naib Presiden Korporat HCL Technologies Srimathi Shivashankar.

TAMAT

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'leaves no one behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my